



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PELAKSANAAN PENGAJARAN TULISAN ARAB-MELAYU  
DALAM KURIKULUM MUATAN LOKAL PENDIDIKAN DASAR  
DI SEKOLAH DASAR DI TANJUNG PINANG, INDONESIA**

**TETY KURMALASARI AHMAD IBRAHIM**

**FPP 1998 31**

**PELAKSANAAN PENGAJARAN TULISAN ARAB-MELAYU  
DALAM KURIKULUM MUATAN LOKAL PENDIDIKAN DASAR  
DI SEKOLAH DASAR DI TANJUNG PINANG, INDONESIA**

Oleh

**TETY KURMALASARI AHMAD IBRAHIM**

Projek yang dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian  
daripada syarat untuk mendapatkan Ijazah Master Sains

Di Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

March 1998



## PENGHARGAAN

Bersyukur saya kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, saya dapat menamatkan kursus sarjana dan menyiapkan kertas projek penyelidikan ini bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah Master Sain.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang utama saya tujukan kepada Prof. Madya. Dr. Zakaria Kasa selaku Penyelia kertas projek penyelidikan saya kerana bimbingan, nasihat, tunjuk ajar, dedikasi, dan kesabaran beliau yang tidak ternilai sepanjang saya mengusahakan projek penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan juga kepada Dekan, Timbalan-Timbalan Dekan, Profesor-Profesor, dan Pensyarah-Pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan yang telah banyak mencurahkan ilmu pendidikan kepada saya sepanjang pengajian saya di Universiti Putra Malaysia. Tidak lupa juga saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di Pusat Pengajian Siswazah dan di Pejabat Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Siswazah), Fakulti Pengajian Pendidikan serta rakan-rakan seperjuangan program Master Sains atas bantuan dan kerjasama semasa saya menyediakan projek penyelidikan ini.

Saya ingin juga merakamkan ucapan terima kasih yang tak terhingga kepada Dr. Main Hj Salamon, Prof madya Dr. Rahil Hj Mahyudin yang banyak

membantu dan memberi tunjuk ajar serta cadangan dalam usaha saya menyiapkan penyelidikan ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih daun keladi kepada pengetua-pengetua, guru-guru yang terlibat dalam kajian ini atas segala bantuan dan kerjasama yang amat memberangsangkan yang diberikan kepada saya semasa saya menjalankan kajian di sekolah-sekolah berkenaan.

Akhir sekali, saya berhutan budi kepada Ibu dan ayah serta semua pihak yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu atas apa jua bentuk bantuan dan kerjasama yang dihulurkan semasa saya mengusahakan projek penyelidikan ini. Semoga Allah S.W.T. akan memberkati segala sumbangan luhur anda semua, Insya Allah.

## KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	Viii
ABSTRAK	Xi
ABSTRACT	Xiv
BAB 1      PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	9
Tujuan Kajian	10
Kepentingan kajian	11
Batasan Kajian	12
Definisi	12
BAB 2      TINJAUAN KAJIAN LEPAS	16
BAB 3      METODOLOGI KAJIAN	46
Pendahuluan	46
Rekabentuk Kajian	46
Populasi dan Sampel Kajian	47
Tempat Kajian	48
Instrumen Kajian	51
Prosedur Pengendalian Soal Selidik	54



Pemrosesan Data	58
<b>BAB 4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
Pendahuluan	60
Jantina dan Ras	61
Umur	61
Pengalaman Mengajar	62
Pengalaman Mengajar Tulisan Arab-Melayu Di Sekolah Dasar	63
Tingkatan yang Diajar	64
Beban Tugas Mengajar	65
(a) Peruntukan Waktu Mengajar	65
(b) Bilangan Mata Pelajaran Yang Diajar	67
Kelayakan Akademik	69
Kelayakan Ikhtisas	70
Bahasa Pengantar	73
Objektif Am Pengajaran Tulisan Arab-Melayu	74
Penyediaan Bahan Pelajaran	75
Kekerapan Mengajar Tulisan Arab-Melayu	76
Cara Mengajar Tulisan Arab-Melayu	78
Mengajar Kaedah ejaan tulisan Arab-Melayu	79
Kaedah Buku Teks	
Mengajar Jenis-jenis kaedah ejaan tulisan Arab-Melayu (Diftong, akhiran, dsb)	81
Mengajar Ayat	83

(a) Teknik analisis	83
(b) Teknik Mengajuk-Mengafai	84
(c) Teknik Latih-Tubi	85
Beberapa Amalan Dalam Pengajaran Tulisan Arab-Melayu	87
(a) Kaedah Syarahan	88
(b) Kaedah Perbincangan	88
(c) Mengajar Cara Kumpulan	89
(d) Layanan individu	89
(e) Penyoalan	90
(f) Latihan Bertulis	91
Buku Teks	91
Buku Rujukan Guru	92
Kemudahan Alat Bantu Mengajar Di Sekolah	93
Penggunaan Alat Bantu Mengajar	95
Ujian	96
(a) Objektif Ujian Tulisan Arab-Melayu	97
(b) Bentuk Soalan Ujian	98
(c) Ke kerap an Ujian	99
(d) Kerja Rumah	100
Pemarkahan	101
(a) Cara Memarkah	101
(b) Teknik Menilai	101

Kursus Dalam Perkhidmatan	103
Bilangan Guru yang Berkursus	103
Keperluan Kursus Dalam Perkhidmatan Kepada Guru Tulisan Arab-Melayu	104
Penerapan Kaedah Mengajar yang Diperolehi Dari Kursus Dalam Perkhidmatan	105
Masalah Guru	106
Masalah Pertama	107
Masalah Kedua	108
Masalah Ketiga	110
	111
<b>BAB 5 KESIMPULAN , PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	
Bibliografi	
Lampiran:	
A. Surat Penyelidikan	
B. Soal Selidik	
C. Borang Senarai Semakan Alat Bantu Mengajar	
D. Gabungan Mata Pelajaran yang Diajar	
E. Hasil Pemerhatian	
F. Borang pemerhatian Pengajaran Tulisan Arab- Melayu	

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Senarai Sekolah-Sekolah Dasar Negeri Di Tanjung Pinang	49
2	Taburan Responden Mengikut Sekolah	56
3	Guru-Guru Yang Terlibat Dalam Pemerhatian Mengajar Tulisan Arab-Melayu	61
4	Taburan Guru Mengikut Jantina	62
5	Taburan Guru Mengikut Umur	63
6	Pengalaman Mengajar dan Pengalaman Mengajar Tulisan Arab-Melayu Di Sekolah Dasar	65
7	Taburan Guru Mengikut Tingkatan Yang Diajar	67
8	Taburan Guru Mengikut Jumlah Minit Mengajar Tulisan Arab-Melayu Dan Mata Pelajaran Lain Dalam Seminggu	69
9	Taburan Guru Mengikut Bilangan Mata Pelajaran Yang Diajar	70
10	Taburan Guru Mengikut Kelayakan Akademik	72
11	Taburan Guru Mengikut Bahasa Pengantar Pengajaran	74
12	Taburan Guru Mengikut Objektif AM Pengajaran Tulisan Arab-Melayu	75
13	Taburan Guru Mengikut Cara-Cara Menyediakan Bahan Pelajaran Tulisan Arab-Melayu	76
14	Taburan Guru Mengikut Ke kerap an Mengajar Tulisan Arab-Melayu Dalam Seminggu	77

15	Taburan Guru Mengikut Cara Mengajar Tulisan Arab-Melayu	79
16	Taburan Guru Mengikut Pendekat Mengajar Kaedah Ejaan Tulisan Arab-Melayu	80
17	Taburan Guru Mengikut Kaedah Buku Teks	81
18	Taburan Guru Mengikut Kekерpan Menggunakan Kaedah Mengajar Kaedah Ejaan (Diftong, Akhiran, Dsb)	82
19	Peratus Guru Memilih Kekерapan Teknis Analisis Mengikut Kelayakan Ikhtisas	83
20	Peratus Guru Memilih Kekерapan Teknik Mengajuk-Menghafal Mengikut Kelayakan Ikhtisas	85
21	Peratus Guru Memilih Kekерapan Teknik Latih-Tubi Mengikut Kelayakan Ikhtisas	86
22	Taburan Guru Mengikut Beberapa Amalan Dalam Pengajaran Tulisan Arab-Melayu	87
23	Kemudahan Alat-Alat Bantu Mengajar Di Sekolah Contohan	94
24	Taburan Guru Mengikut Kekерapan Menggunakan Alat Bantu Mengajar	96
25	Taburan Guru Mengikut Objektif Ujian Tulisan Arab-Melayu	98
26	Taburan Guru Mengikut Penggunaan Bentuk Soalan Ujian Tulisan Arab-Melayu	99
27	Taburan Guru Mengikut Kekерapan Ujian Tulisan Arab-Melayu Dalam Sebulan	100
28	Taburan Guru Mengikut Kekерapan Memberi Kerja Rumah Kerja Rumah Kepada Murid Dalam Sebulan	101
29	Taburan Guru Mengikut Cara Memarkah Kerja Bertulis Murid	102

30.	Taburan Guru Mengikut Teknik Nilai Yang Digunakan Dalam Memarkah Kerja Bertulis Murid	102
31.	Taburan Guru Mengikut Bilangan Yang Mengikuti Kursus Dalam Perkhidmatan	104
32.	Taburan Guru Mengikut Pendapat Mereka Tentang Keperluan Kursus Dalam Perkhidmatan	104
33.	Taburan Guru mengikut Pendapat Mereka Tentang Aspek Latihan Yang Perlu Diberi Dalam Kursus Perkhidmatan	105
34.	Taburan Guru Mengikut Kekerapan Menerapkan Kaedah Mengajar Yang Diperolehi Dari Kursus Perkhidmatan	106
35.	Taburan Guru Mengikut Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru-Guru Tulisan Arab-Melayu	109
35.	Taburan Guru Mengikut Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru-guru Tulisan Arab-Melayu	

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi  
mendapatkan Ijazah Master sains.

**PELAKSANAAN PENGAJARAN TULISAN ARAB-MELAYU DALAM  
KURIKULUM MUATAN LOKAL PENDIDIKAN DASAR DI SEKOLAH DASAR DI  
TANJUNG PINGANG, INDONESIA**

Oleh

**TETY KURMALASARI AHMAD IBRAHIM**

**MARCH 1998**

Pengerusi : Prof. Madya. Dr. Zakaria Kasa

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji kedudukan pengajaran tulisan Arab-Melayu di peringkat Sekolah Dasar. Kajian ini dilakukan adalah ekoran dari masalah pelaksanaan tidak tahu tulisan Arab-Melayu di kalangan murid-murid sekolah yang semakin merosot semenjak di perkenalkan kurikulum muatan lokal pendidikan dasar.



Dengan menggunakan percontohan rawak berperingkat, seramai 153 orang guru tulisan Arab-Melayu yang mengajar di 36 buah sekolah dasar di Tanjung Pinang telah diedarkan soalselidik untuk mendapatkan data serta maklumat yang diperlukan. Data telah di analisis dengan menggunakan statistik deskriptif seperti peratusan, purata dan sisihan lazim. Ujian chi-square telah digunakan untuk melihat perbezaan di antara angkubah guru dan kaedah mengajar yang terpilih di paras signifikan 0.05.

Kajian ini mendapati lebih separuh daripada responden mengatakan bahawa objektif utama pengajaran tulisan Arab-Melayu adalah untuk kemahiran mempergunakannya, dan bakinya mengatakan perlu mengetahui hukum-hukum ejaan ataupun kedua-duanya sekali.

Dari segi perkaedahan mengajar tulisan Arab-Melayu, sebilangan besar guru masih mengajarkan kaedah ejaan secara khusus. Dalam mengajar ayat, sebilangan besar guru menggunakan teknik analisis dan mengajar kaedah ejaan pula lebih 85 peratus yang menggunakan pendekatan induktif. Golongan kata diajar dengan memberikan contoh-contohnya dahulu dalam ayat. Pengajaran secara kumpulan dan individu amat kurang dilakukan. Pengajaran dibuat secara keseluruhan kelas.

Alat-alat bantu mengajar seperti pemain kaset, radio dan bermacam jenis projektor boleh diperolehi di kebanyakan sekolah tetapi sangat kurang digunakan oleh guru-guru. Papan tulis dan kapur tetap merupakan alat bantu mengajar yang disukai.

Adalah didapati bahawa guru tulisan Arab-Melayu yang terlatih masih kurang. Oleh kerana itu guru-guru yang tidak terlatih dalam mengajar tulisan Arab-melayu ditugaskan mengajar. Beban tugas guru tulisan Arab-Melayu berat. Purata mereka mengajar 934 minit seminggu dan sekurang-kurangnya mengajar dua mata pelajaran seorang. Mengenai latihan, majoriti guru berpendapat mereka perlu diberi latihan lagi dalam perkaedahan dan ilmu kaedah ejaan.

Adalah dicadangkan supaya guru tulisan Arab-Melayu yang terlatih ditambah hingga mencukupi. Beban tugas guru tulisan Arab-Melayu hendaklah diringankan dan latihan guru dipertingkatkan lagi.

Abstract of project presented to the Faculty of educational Studies,  
University Putra Malaysia in partial fulfillment of the requirements for the  
Degree of Master on Science

**IMPLEMENTATION TEACHING OF ARABIC-MALAY WRITING IN  
MUATAN LOCAL CURRICULUM AT PRIMARY SCHOOL, IN TANJUNG  
PINANG, INDONESIA**

**BY**

**TETY KURMALASARI AHMAD IBRAHIM**

**MARCH 1998**

Chairman Prof Madya DR Zakaria Kasa

Faculty Educational Studies

The purpose of this study is to determine the status of teaching Arabic-Malay writing in primary schools in Tanjung Pinang, Indonesia. This study was motivated by the problems arising in the implementation of the Arabic-Malay writing subject with respect to specifying standards of



achieving basic writing in Arabic-Malay since it was introduced in the elementary school local curriculum

Stratified random sampling was used to elicit the desired data and information. Questionnaires were distributed to 153 teachers who taught Arabic-Malay writing in 36 elementary schools in Tanjung Pinang. Data were analysed to provide descriptive statistics namely percentage, mean and standard deviation. Chi-square tests were employed to determine whether there were differences in the responses among categories of teachers at the 0.05 level of significance.

From this study it was observed that one third of the teachers felt that it is necessary for pupils to know the basic rules for writing skills only. More than half were of the opinion that the general teaching objective of Arabic-Malay writing is for skills proficiency, while the rest felt that the objective is for both proficiency and writing skills.

Regarding teaching strategy, it was observed that the majority of teachers practiced formal spelling method. In the teaching of sentences, most teachers used the analytic technique.

More than 85 percent of teachers taught affixes by the inductive approach. Various kinds of Arabic-Malay spelling were taught by using words in sample sentences. Group and individual teaching were hardly practiced.



Teaching aids such as cassette players, radios and projectors were available in most schools but they were hardly utilized. The blackboard is the most popular teaching aid used.

Shortage of trained Arabic-Malay writing teachers still prevailed and consequently teachers not trained in Arabic-Malay writing teaching were assigned to teach the subject. The majority of the trained teachers felt that they needed (a) to further their knowledge of spelling method and (b) further training in methodology of teaching Arabic-Malay.

It is proposed that an adequate number of trained teachers be made available. There is also a need to review the teacher training course especially in teaching methodology in view of the shortcomings that had been identified in his study. It is suggested that the teaching load of Arabic-Malay writing teachers be lessened and the training of teachers be upgraded.



# BAB 1

## PENDAHULUAN

### Pengenalan

Pendidikan Tulisan Arab-Melayu (Jawi) merupakan bahagian dari khazanah budaya (bahasa) daerah Riau (Tanjung Pinang), kedudukan dan fungsinya disebutkan dalam **Peraturan Pemerintah No. 28 tahun 1990** Pendidikan tulisan Arab-Melayu merupakan sebahagian dari kebudayaan Indonesia yang hidup, ia harus dikembangkan berdasarkan Pancasila, Undang-Undang Dasar 1945 dan Ketetapan MPR NO II/MPR/1989 dalam rangka mewujudkan cita-cita pembangunan nasional pada umumnya dan tujuan pendidikan nasional pada khususnya

Sebagai perwujudan cita-cita nasional tersebut telah diterbitkan undang-undang nomor 2 tahun 1989 tentang sistem pendidikan nasional Pendidikan nasional berfungsi untuk mengembangkan kemampuan serta meningkatkan mutu kehidupan dan martabat bangsa Indonesia dalam rangka upaya mewujudkan tujuan nasional Setiap warga negaran mempunyai hak yang sama untuk memperoleh pengetahuan, kemampuan dan keterampilan sekurang-kurangnya sederajat dengan kelulusan sekolah dasar (pasal 3, 5 dan 6 undang-undang nomor 2 tahun 1989 tentang sistem pendidikan nasional)

Unsur terpenting dalam pendidikan adalah kurikulum. Kurikulum disusun untuk mengwujudkan tujuan pendidikan nasional dengan memperhatikan tahap perkembangan peserta didik dan kesesuaian dengan lingkungan, keperluan pembangunan nasional, perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi serta kesenian sesuai dengan jenis dan tingkat masing-masing pendidikan. Khazanah budaya daerah di masukkan kedalam kurikulum muatan lokal yang mula dilaksanakan pada tahun 1995 bertujuan membawa pembaharuan kepada pendidikan negara. Program muatan lokal di daerah disusun dan ditetapkan oleh Kepala kantor Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Daerah tingkat II dengan persetujuan Kepala Kantor Wilayah Departemen Pendidikan Wilayah tingkat I, guna melengkapi kurikulum nasional yang disusun oleh Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia (Jakarta).

Kurikulum yang pada saat ini seluruhnya dipusatkan di Jakarta tidaklah mungkin dapat mencakup keanekaragaman khazanah budaya yang ada di Indonesia. Selain itu, besar kemungkinan bahawa kemampuan murid untuk menerima dan memahami bahan pengajaran menjadi berkurang kerana program pendidikan tidak sesuai, dengan kubutuhan belajarnya. Atas dasar ini maka daerah Riau (Tanjung Pinang) menetapkan tulisan Arab-Melayu sebagai program muatan lokal yang harus dikembangkan bagi memenuhi keperluan pendidikan nasional.

Program Muatan lokal dapat diorganisasikan dalam mata-mata pelajaran yang berdiri sendiri, seperti tulisan Arab-Melayu dijadikan mata pelajaran wajib di dalam program ini dan ada juga mata pelajaran pilihan; Budaya Daerah, Keterampilan dan sebagainya. Matlamat program kurikulum muatan lokal ini adalah mempersiapkan siswa agar memiliki wawasan yang mantap tentang lingkungannya serta sikap dan perilaku bersedia melestarikan dan mengembangkan sumber daya alam dan kebudayaan yang mendukung pembangunan nasional dan pembangunan daerah.

Tulisan Arab-Melayu sebagai mata pelajaran wajib diajarkan dalam pendidikan formal. Di peringkat pendidikan dasar bahan pelajaran tulisan Arab-Melayu yang diajarkan iaitu untuk mengembangkan kemampuan dan keterampilan dasar menggunakan tulisan Arab-Melayu dalam kegiatan belajar mengajar di kelas, mampu mengekalkan serta mengembangkan ilmu pengetahuan .

Program pengajaran ini di sesuaikan dengan jadual yang telah ada dalam susunan program kurikulum nasional. Dengan demikian susunan pengajaran kurikulum muatan lokal untuk pendidikan dasar di Riau (Tanjung Pinang) dapat dilihat tabel yang berikut:

Susunan Program Pengajaran Kurikulum Muatan Lokal Pendidikan Dasar (SD dan SLTP)

Jenjang dan Kelas Mata Pelajaran	SD								
	SLTP								
	I	II	III	IV	V	VI	VII	VIII	IX
1. Tulisan Arab Melayu	-	-	2	2	2	2	2	2	2
2. Budaya Daerah	1	1	1	1	1	2	2	2	2
3. Kesenian Daerah	1	1	1	1	1	1	2	2	2
4. Pariwisata	-	-	-	-	-	-	2	2	2
5. Bahasa Inggeris	-	-	-	2	2	2	-	-	-
6. Ketrampilan :									
6.1. Kerajinan	-	-	-	2	2	2	2	2	2
6.2. Pertanian (perkebunan, perikanan dan pertanian)	-	-	-	-	-	-	2	2	2
6.3. Industri Rumahtangga	-	-	-	-	2	2	2	2	2
6.4. Komputer	-	-	-	-	-	-	2	2	2
6.5. Kejuruteraan	-	-	-	-	-	-	2	2	2
<b>JUMLAH</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>7</b>	<b>7</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>

Untuk melicinkan pelaksanaan pengajaran tulisan Arab-Melayu tenaga pengajar (guru) yang memainkan peranan utama untuk melaksanakan Pendidikan Tulisan Arab-Melayu di dalam bilik darjah. Untuk menyampaikan pelajaran dengan cekap dan berkesan guru perlu mempunyai sifat ingin tahu yang mendalam mengenai perubahan yang baik dalam kurikulum, kaedah pengajarannya dan sering mengubahsuaikannya demi pelajarnya. Berpengetahuan luas mengenai ikhtisas yang diamanahkannya, suka membaca agar sentiasa yakin dengan penyampaian ilmunya, mempunyai kemahiran bertutur agar berkesan setiap kali pengajarannya, daya ingatan yang baik supaya apa yang dirancang dapat dilaksanakan dan yang akhirnya ada daya untuk memikirkan pendekatan baru agar pengajaran tidak bosan dan kemaskini (Mok Soon Sang, 1990:99)

Tidak siapa yang menyangkal pendapat bahawa gurulah insan yang merupakan pejuang barisan hadapan mendidik bangsanya dan menentukan corak insan yang akan mewakili masyarakatnya. Walau bagaimana sempurna kurikulum yang digubal, canggihnya bangunan dan peralatan yang tersedia di sekolah namun tanpa usaha dan pengorbanan guru ia hanya rancangan separuh jalan. Justeru itu peranan guru amat penting tidak kira mata pelajaran tulisan Arab-Melayu dan lainnya.

Menelusuri perkembangan tulisan Arab Melayu (Jawi) kini yang amat menurun mencabar guru untuk terus bangkit menerokainya sebagaimana yang terkandung dalam sukatan pelajaran tulisan Arab Melayu di peringkat sekolah dasar dan sejajar dengan Falsafah Pendidikan Nasional yang menjadi pegangan semua kaum guru. Kini bagi merealisasi pendidikan tulisan Arab Melayu, beberapa objektif pendidikan tulisan arab Melayu telah digalurkan. Objektif tersebut ialah :

1. Menguasai aturan ejaan dan tanda baca
2. Menguasai bermacam-macam lambang dan makna
3. Menguasai beberapa intonasi
4. Menguasai penulisan bermacam-macam pantun, ungkapan, syair dan maknanya
5. memperoleh kepuasan , kesenangan dan merasakan mamfaat membaca teks bacaan
6. Mampu membaca teks bacaan
7. Mampu menulis dengan tepat dan cepat
8. Mampu menikmati, menghayati, memahami dan menarik manfaat membaca teks bacaan

Selaras dengan itu guru mata pelajaran Tulisan Arab Melayu (Jawi) perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang berkenaan. Pendapat Trumb (1975 :37) bahwa kualiti pendidikan itu adalah bergantung besar kepada kualiti pengajarannya. Hasil pengajaran bergantung kuat di atas cara-cara guru itu berfungsi di sekolah.

Terdapat tujuh aspek penting yang perlu diberi perhatian oleh guru pendidikan tulisan arab Melayu ketika menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah iaitu meliputi objektif pengajaran, isi kandungan pelajaran, kemahiran dan kecekapan yang perlu dikuasai, aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyerapan ilmu pengetahuan, penerapan nilai-nilai murni dan alat bantu mengajar yang sesuai.

Kesemua aspek di atas memang telah ditetapkan oleh Bahagian Kurikulum Departemen Pendidikan dan Kebudayaan seterusnya dijalankan oleh Kepala Kantor Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Daerah atau panitia pelaksana program muatan lokal di setiap sekolah supaya dijalankan dengan teratur. Garis panduan pelaksanaannya di bilik darjah boleh dirujuk berdasarkan Sukatan Pelajaran Tulisan Arab Melayu dan Rancangan Pelajaran.

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran seharusnya dapat mendorong penyertaan pelajar secara aktif dengan menggunakan kaedah kumpulan,

berpasangan atau individu dijalankan di dalam atau luar bilik darjah mengikut budi bicara guru. Aktiviti harus memberikan peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan kecekapan berbahasa menerusi bakat dan pemikirannya. Aktiviti harus berpusatkan pelajar dan guru hanya sebagai pemudah cara. Objektif pengajaran boleh dicapai melalui aktiviti yang diberi dan berkesan. Aktiviti yang dijalankan mendorong pelajar mengembangkan semangat belajar, memupuk nilai murni, menyeronokkan dan menimbulkan rasa cinta dan bangga terhadap tulisan Arab Melayu yang merupakan khazanah budaya Riau.

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui dan mendapatkan maklumat mengenai status pengajaran di sekolah-sekolah, kaedah-kaedah dan cara mengajar yang umum digunakan oleh guru-guru yang berkaitan ? Guru-guru yang ditugaskan terlatih atau tidak ? Masalah-masalah utama yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pengajaran. Fokus kajian ini akan melibatkan secara langsung pandangan dari guru-guru yang terlibat di sekolah dasar di Tanjung Pinang. Pandangan dan pendapat ini penting dalam pertimbangan kita bersama dan seterusnya perubahan-perubahan tertentu mungkin dapat dilakukan dalam merancang sebarang program yang melibatkan sekolah-sekolah sebagai satu institusi pendidikan dan institusi sosial dalam masyarakat.